



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
07 FEBRUARI 2018 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Harian Metro

- KONVOI SEMAI ASPEK KESELAMATAN

N33

The Star

- PONGGAL COOKING COMPETITION

03



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 07 FEBRUARI 2018 (RABU)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	KONVOI SEMAI ASPEK KESELAMATAN
Muka Surat	N33

HARIAN METRO
 RABU 7 FEBRUARI 2018

NUANSA | N33

KONVOI SEMAI ASPEK KESELAMATAN

68 penunggang motor berkuasa tinggi disertai program selama empat hari ke Pahang

Nor 'Asyikin Mat Hayin
 asyikin_mat@hmetro.com.my

Cuaca tidak menentu bukan penghalang kepada 68 peserta motosikal kuasa tinggi menyertai Konvoi Bermotor selama empat hari ke beberapa daerah di Pahang, baru-baru ini.

Walaupun terpaksa meredah hujan ketika dalam perjalanan namun semangat tinggi ditunjukkan peserta nyata mengatasi segala-galanya. Bukan keseronokan semata-mata yang diinginkan peserta dalam menyertai program berkenaan tetapi ia secara tidak langsung menitik beratkan aspek menunggang motosikal dengan cara selamat.

Program terbabit adalah anjuran Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 3 dengan kerjasama Penggerak Bella Tempatan (DeBT) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Pelepasan peserta kon-

RESERTA yang menyertai Konvoi Bermotor.



ABD Hamid melepaskan peserta Konvoi Bermotor.

voi disempurnakan Yang Dipertua MPAJ Abd Hamid Hussain di Menara MPAJ dan turut dihadiri legenda sukan pemotoran negara, Wazi Abdul Hamid.

Pengarah Urusan Rasmiaja Motosport yang juga peserta konvoi Zuhairi Abdullah berkata, penganjuran program berkenaan membuktikan

keprihatinan peserta terhadap isu keselamatan motosikal. "Penunggang dan pembonceng motosikal antara kelompok paling

Dari segi pemakaian hingga cara menunggang yang betul semuanya perlu dititikberatkan

ABD HAMID

berisiko terbabit dalam kecelakaan, malah yang tertinggal menjadi mangsa kemalangan jalan raya. "Bilangan itu sentiasa meningkat setiap tahun dan paling menyedihkan ramai yang terkorban," katanya. Pihaknya selaku penganjur utama program itu menyedari risiko yang sentiasa menanti peserta, namun tetap mengutamakan aspek keselamatan.

"Memang kita tidak boleh menolak takdir

tapi langkah berjaga-jaga ketika menunggang motosikal diutamakan lebih-lebih lagi dalam keadaan cuaca tidak menentu ketika ini," katanya. Sementara itu Abd Hamid berkata, objektif konvoi itu adalah untuk mengeratkan hubungan persahabatan dan mendidik peserta supaya lebih berhemah ketika menunggang motosikal.

"Kita tahu menunggang motosikal lebih memberi kepuasan dan keseronokan di samping kemudahan untuk bergerak.

"Namun, dalam keseronokan itu janganlah leka dengan aspek keselamatan diri kerana kecelakaan boleh berlaku tanpa diduga.

"Tapi kita boleh mengelak dengan kesedaran dan pengetahuan. Dari segi pemakaian hingga cara menunggang yang betul semuanya perlu dititikberatkan," katanya.

Beliau berharap program itu dapat diteruskan pada masa akan datang demi melahirkan modal insan proaktif dan responsif.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 07 FEBRUARI 2018 (RABU)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	PONGGAL COOKING COMPETITION
Muka Surat	03

PONGGAL COOKING COMPETITION

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) is hosting a Ponggal Interstate School Cooking Competition among schools in Gombak and Hulu Langat on Feb 10. The event is aimed at showcasing the significance and uniqueness of the Tamil harvest festival. It will be held from 9am at MPAJ's field, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah. For details, visit www.mpaj.gov.my

PS 7/2/18

MS 03